



Headline: RM700,000 lesap dikebas penipu
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 31 August 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 52

RM700,000 lesap dikebas penipu

Klang: Seorang warga emas kerugian RM700,000 akibat terpedaya dengan seorang lelaki menyamar sebagai wakil sebuah bank.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli berkata, perkara itu diketahui selepas mangsa berusia 61 tahun membuat laporan polis, kelmarin apabila menyedari ditipu suspek pada 28 Ogos lalu.

“Pada 24 Ogos lalu, ketika berada di depan kedai kopi di Pelabuhan Klang, pengadu menerima panggilan daripada seorang lelaki tempatan mengatakan pengadu memiliki kad Maybank Master Gold dan

kad terbabit memiliki tunggakan RM3,209.

“Suspek juga mendakwa pengadu yang juga ejen penghantar memiliki hutang bank RM5,829.50,” katanya.

Bagaimanapun Shamsul Amar berkata, apabila pengadu menyatakan mahu membuat laporan polis, suspek menyambungkan panggilan pengadu kepada seseorang yang memperkenalkan diri sebagai pegawai penyiasat Bank Negara.

“Pegawai terbabit meminta pengadu membuat pindahan kepada beberapa akaun diberikan bagi tujuan siasatan Bank Negara.

“Pengadu terpedaya sehingga mengalami kerugian RM700,000,” katanya.

FAKTA
Mangsa ditipu
suspek pada
28 Ogos lalu